



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	5/1/2019	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	KATS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

12 kementerian dapat KSU baharu

KUALA LUMPUR - Sebanyak 12 kementerian menerima Ketua Setiausaha (KSU) yang baharu, kata Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr. Ismail Bakar.

Ismail dalam satu kenyataan semalam berkata, kesemua mereka menerima watakah pelantikan yang disampaikan olehnya kelmarin.

"Pengisian jawatan-jawatan itu dilaksanakan berikutan kekosongan jawatan (akibat persaraan wajib dan tamat tempoh kontrak penyandang) serta mengambil kira keperluan untuk dibuat pusingan penempatan di kalangan ketua-ketua

setiausaha kementerian sedia ada," katanya.

Menurutnya, pelantikan baharu itu merupakan langkah pembaharuan kepada perkhidmatan awam yang merupakan elemen penting dan tulang belakang pentadbiran negara.

"Saya percaya pengisian jawatan ini akan memperkuatkan lagi barisan pengurusan tertinggi di peringkat kementerian dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan dengan berkesan dan memberikan perkhidmatan terbaik demi kemakmuran rakyat dan negara," katanya.

- Bernama



ISMAIL



SARIPUDDIN

MUHAMMAD
SHAHRUL

ALWI

INFO

Pelantikan KSU Baharu

Datuk Seri Saripuddin Kasim
(Kementerian Wilayah Persekutuan)

Mohd Khairul Adib Abd. Rahman
(Kementerian Pengangkutan)

Datuk Seri Alwi Ibrahim
(Kementerian Kerja Raya)

Datuk Dr. Mohd. Gazali Abas
(Kementerian Dalam Negeri)

Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan
(Kementerian Pendidikan)

Datuk Seri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob
(Kementerian Luar Negeri)

Datuk Muez Abdul Aziz
(Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

Datuk Dr. Tan Yew Chong
(Kementerian Industri Utama)

Datuk Zurinah Pawanteh
(Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli)

Datuk Isham Ishak
(Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya)

Datuk Lokman Hakim Ali
(Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri)

Dr. Waitchalla R. R. V. Suppiah
(Kementerian Belia dan Sukan)